

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 JUNE 2017

Dividen bantu pekebun buat persiapan Aidilfitri

BH- 4/6/2017 pg.3

➔ Penerima akui dividen banyak bantu dalam menyediakan keperluan harian

Oleh Abdul Razak Raaff,
Nik Sukry Ramli
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Pengagihan dividen antara RM800 hingga RM4,000 oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), semalam, membantu persiapan Aidilfitri pekebun kecil.

Seorang penerima, Md Yasit @ Abdul Aziz Md Teh, 71, berkata dividen itu boleh membantu mereka membeli barangan keperluan harian dan persiapan menyambut Aidilfitri.

"Ini adalah kali kelapan saya te-

rima dividen daripada RISDA dan boleh dikatakan ia banyak membantu kami dalam menyediakan keperluan harian.

Biarlah ia diteruskan

"Kalau boleh, biarlah ia diteruskan... kalau boleh bagi dua kali setahun pun bagus juga, tapi terpulanglah kepada mereka untuk tentukan kaedah (pengagihan) itu," katanya yang mengusahakan 3 hektar kebun getah di Kampung Sentosa, dekat Maran.

Beliau ditemui pada majlis penyampaian dividen RISDA peringkat nasional 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kema-juan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Timbalannya, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub dan Pengerusi RISDA, Datuk Zahidi Zainal Abidin.

Sudin Andai, 56, dari perkampungan Orang Asli Nenas di sini, berkata RISDA sudah membuktikan kemampuan mereka dalam mencari jalan untuk terus membantu pekebun kecil di seluruh negara sejak

ditubuhkan 44 tahun lalu.

"Baguslah macam apa yang mereka (RISDA) buat sekarang... ada dividen macam ini dan banyak lagi skim diperkenalkan untuk bantu kita.

"Ini (dividen) satu daripadanya... mereka juga ada Rancangan Tanaman Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanaman Semula Komersial (TSK) bagi tingkatkan pendapatan pekebun," katanya.

Kerajaan prihatin keperluan pekebun

Zabedah Alias, 71, dari Padang Tenggara, Temerloh, bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri kerana sentiasa prihatin dengan keperluan pekebun kecil.

"Sebelum ini saya hanya menerima dividen disampaikan oleh RISDA daerah, namun hari ini (semalam) cukup istimewa kerana Perdana Menteri sendiri yang menyampainya kepada saya.

"Duit ini akan saya gunakan untuk mengadakan kenduri tahlil arwah ayah, manakala selebihnya untuk persiapan menyambut hari lebaran," katanya.